# Call to Industry (CTI)

| | | | |
|---|---|---|---|
| **PERKARA** | PERSIJILAN BAHAN ASAS BINAAN BAGI KONKRIT SIAP PAKAI | | |
| **DIKELUARKAN OLEH** | KEMAJUAN INDUSTRI | | |
| **TARIKH DIKELUARKAN** | 29 SEPTEMBER 2025 | **TARIKH MANSUH** | - |
| **NO PINDAAN** | 01 | | |

**TUJUAN:**

*Call to Industry (CTI)* ini berfungsi sebagai peringatan kepada pihak berkepentingan bahawa konkrit siap pakai yang digunakan untuk apa jua elemen struktur dalam mana-mana kerja-kerja bangunan hendaklah mempunyai Persijilan Bahan Asas Binaan yang dikeluarkan oleh Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi) menurut Peraturan 42A, Peraturan Kawalan Bangunan di bawah Akta Kawalan Bangunan (Penggal 256).

Oleh demikian, pemaju-pemaju dan syarikat-syarikat Pembina adalah diperingatkan untuk memastikan konkrit siap pakai yang diperolehi adalah daripada syarikat pembekal yang berdaftar dan mempunyai Persijilan Bahan Asas Binaan bagi Konkrit Siap Pakai yang sah.

Bagi mengetahui mana-mana syarikat pembekal yang dibenarkan untuk membekalkan bahan asas binaan terutama sekali konkrit siap pakai, orang ramai boleh merujuk kepada laman sesawang ABCi *http://abci.gov.bn/* di bawah tab *Info Awam* > *Bahan Binaan Berdaftar* > *Bahan Asas Yang Diluluskan*.

Dalam kesempatan ini juga, adalah diperingatkan kepada mana-mana syarikat-syarikat yang membekalkan Konkrit Siap Pakai untuk berdaftar dan mendapatkan Persijilan Bahan Asas Binaan bagi Konkrit Siap Pakai dengan menghadapkan permohonan Persijilan Bahan Asas Binaan serta dokumen yang berkaitan seperti yang disenaraikan dalam Nota Panduan Industri (IGN) bil. 2023/IGN/02 bertarikh 30 Ogos 2023.

Persijilan Bahan Asas Binaan bagi Konkrit Siap Pakai akan memastikan kekuatan, ketahanan dan konsistensi memenuhi spesifikasi reka bentuk yang diperlukan untuk membawa beban dengan selamat. Ia akan memastikan pihak pengeluar konkrit siap pakai mengikut prosedur kawalan kualiti dan kebolehkesanan kelompok yang kritikal sekiranya berlaku kegagalan struktur, audit atau pertikaian. Ia juga akan mengurangkan risiko kegagalan dan kecacatan konkrit dari campuran yang tidak betul atau substandard yang boleh menyebabkan keretakan (*cracking*), kekosongan konkrit (*honeycombing)*, kekuatan yang rendah (*low compressive strength*) dan kemerosotan pramatan (*premature deterioration)*.

Sehubungan dengan ini, mana-mana orang yang menggunakan atau menyebabkan untuk digunakan konkrit siap pakai bagi apa jua elemen struktur dalam mana-mana kerja-kerja bangunan adalah satu kesalahan dan boleh dikenakan kompaun di bawah Peraturan (Komposisi Kesalahan) Kawalan Bangunan di bawah Akta Kawalan Bangunan (Penggal 256).

Dalam pada itu, pihak ABCi ingin memaklumkan bahawa *grace period* untuk membuat penyelarasan mengenai perkara ini akan diberikan **sehingga 31 Oktober 2025**.

Bagi keterangan lanjut, sila hubungi
Emel: **ids.abci@mod.gov.bn**
Whatsapp Hotline ABCi: **+673 814 0365**

**- TAMAT -**

Ref. 2025/CTI/07

AUTHORITY ON BUILDING CONTROL AND CONSTRUCTION INDUSTRY

# Call to Industry (CTI)

| | | | |
|---|---|---|---|
| **TOPIC** | RAW MATERIALS CERTIFICATION FOR READY-MIXED CONCRETE | | |
| **ISSUED BY** | INDUSTRY DEVELOPMENT | | |
| **ISSUE DATE** | 29 SEPTEMBER 2025 | **EXPIRY DATE** | - |
| **REVISION NO** | 01 | | |

**PURPOSE:**

This Call to Industry (CTI) serves as a reminder to relevant stakeholders that use of ready-mixed concrete for any structural element in any building works, must be in possession of a Raw Materials Certification issued by the Authority for Building Control and Construction Industry (ABCi) in accordance with Regulation 42A, Building Control Regulations under the Building Control Act (Cap. 256).

Therefore, developers and builder companies in particular are reminded to ensure that the ready-mixed concrete they obtain complies and thus is from a registered supplier company that is in possesion of a valid Raw Materials Certification for Ready-Mixed Concrete.

For more information on registered supplier companies with Raw Materials Certification, especially for Ready-Mixed Concrete, the public can refer to the ABCi website http://abci.gov.bn/ under the tab *Info Awam > Bahan Binaan Berdaftar > Bahan Asas Yang Diluluskan*.

ABCi would also like to take this opportunity to remind to companies that supply Ready-Mixed Concrete specifically to register and obtain a Raw Materials Certification. Companies are to submit an application for Raw Materials Certification as well as the related documents as listed in Industry Guidance Note (IGN) No. 2023/IGN/02 dated 30 August 2023.

Raw Materials Certification for Ready-Mixed Concrete ensures the strength, durability and consistency meet the design specifications required to safely carry loads. It also ensures that Ready-Mixed Concrete producers follow quality control procedures and the tracebility of batches which are critical in case of structural failures, audits or disputes. It will also reduce the risk of failure and defects of improperly mixed or substandard concrete which can lead to cracking, honeycombing, low compressive strength and premature deterioration.

In this regard, any person who uses or causes to be used uncertified ready-mixed concrete under ABCi for any structural element in any building works is guilty of an offence and may be subject to a compound under the Building Control (Composition of Offences) Regulations under the Building Control Act (Cap. 256).

ABCi would like to inform you that there will be a grace period for relevant companies to make adjustments on this matter and will be given until **31st October 2025** to do so.

For further clarifications, please contact
Email: **ids.abci@mod.gov.bn**
Whatsapp Hotline ABCi: **+673 814 0365**

**- END -**